**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 31 MEI 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Sinar Harian** | |
| - Mahu garis panduan trak makanan selari di semua PBT | 12 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 31 MEI 2019 (JUMAAT) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Mahu garis panduan trak makanan selari di semua PBT |
| Muka Surat | 12 |

SH 31/5/19 ms 12

# Mahu garis panduan trak makanan selari di semua PBT

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan perlu menetapkan satu garis panduan menyeluruh terhadap pengusaha trak makanan bagi memudahkan mereka menjalankan perniagaan secara bergerak, kata Pengerusi Persatuan Food Truck Malaysia (MAFTA) Datuk Mohamad Zaini Md Taha.

Beliau berkata, sehingga kini masih ramai pengusaha trak makanan yang tidak memiliki lesen perniagaan sah kerana keliru terhadap garis panduan yang tidak tetap daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berlainan apabila mereka bergerak ke kawasan tertentu untuk menjalankan perniagaan.

"Oleh kerana perniagaan mereka adalah secara bergerak, kadangkala mereka keliru apabila peraturan memohon lesen daripada PBT agak berlainan dan ada kalanya mengambil masa yang lama untuk mendapatkan lesen," katanya kepada *Bernama*.